

Mers: 14 lagi maut

Sinar Harian
14/6/2015
MLS 17



Petugas kesihatan merawat seorang pesakit Mers di Hospital Universiti Konyang.

SEOUL - Korea Selatan semalam melaporkan kematian ke-14 daripada Sindrom Pernafasan Timur Tengah (Mers).

Negara terbabit turut mencatat 12 kes baharu termasuk oleh seorang pemandu ambulans yang terbabit membawa seorang pesakit ke hospital.

Kementerian Kesihatan dalam kenyataannya menyebut, mangsa terbaharu adalah seorang wanita berusia 68 tahun yang dikatakan dijangkiti virus berbahaya itu di hospital di Bandaraya Pyeongtaek, kira-kira 65 kilometer di sela-

tan Seoul.

Mengikut kementerian itu, kesemua 14 orang yang meninggal akibat Mers mempunyai masalah kesihatan yang lain seperti hipertensi.

Dalam pada itu, 12 kes baharu menjadikan penghidap positif meningkat kepada 138 orang sekali gus menjadikannya penularan wabak terbesar di luar Arab Saudi.

Penghidap terbaru, pemandu ambulans yang dijangkiti selepas membawa seorang pesakit berusia 75 tahun ke Pusat Perubatan Samsung di bandar raya ini pada 7

Jun dan meninggal tiga hari kemudian.

Pihak berkuasa turut mengesahkan 60 orang daripada mereka dijangka wabak itu ketika mendapatkan rawatan di Pusat Perubatan Samsung, antara hospital terbesar di Seoul.

Siasatan kini ditumpukan kepada usaha mengenal pasti bagaimana lima lagi penghidap positif virus Mers, mendapat jangkitan itu.

Pesakit pertama di Korea Selatan disahkan diserang virus itu pada 20 Mei lali selepas pulang dari Arab Saudi. - AFP